



HAMIM SAMURI (tengah) beramah mesra bersama penerima-penerima sijil *World Halal Innohub* ketika merasmikan majlis *World Halal Innohub* di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. - UTUSAN/ROY AZIS ABD AZIZ

# HDC harap ASEAN bentuk kerjasama promosi halal

Oleh AZMAN IBRAHIM

ekonomi@utusan.com.my

**SERDANG 18 Mac** - Halal Industry Development Corporation (HDC) berharap Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN (AFMM) kali ke-19 bermula esok, dapat mengetengahkan mengenai kerjasama dalam kalangan negara-negara anggota bagi meningkatkan pembangunan dan pasaran produk halal.

Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Datuk Seri Jamil Bidin berkata, pada waktu ini, dagangan antara negara-negara ASEAN masih rendah, terutamanya dalam produk halal.

Jelasnya, produk halal berpotensi tinggi di ASEAN kerana dianggarkan mempunyai lebih 300 juta penduduk Islam.

"Kami sudah membawa perkara ini iaitu kerjasama negara-negara ASEAN dalam pembangunan produk halal ini ke peringkat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk dibawa ke AFMM kali ke-19.

"Kita mahu memperhebatkan



**Kita mahu memperhebatkan lagi kedudukan kita sebagai peneraju produk halal selain mewujudkan peluang perdagangan yang lebih luas di peringkat ASEAN."**

**JAMIL BIDIN**  
**Ketua Pegawai Eksekutif HDC**

lagi kedudukan kita sebagai peneraju produk halal selain mewujudkan peluang perdagangan yang lebih luas di peringkat ASEAN," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran *World Halal Innohub* di sini hari ini.

Majlis itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hamim Samuri.

Tahun lalu, Singapura merupakan

kan negara kedua paling banyak menerima import produk halal dari Malaysia dengan nilai RM2 bilion, manakala Indonesia jatuh di tangga keempat dengan nilai lebih RM1 bilion.

Tambah Jamil, HDC juga berharap piawaian halal 1ASEAN dapat dibentuk bermula pada tahun ini bagi menyeragamkan piawaian halal di antara negara-negara anggota.

Jelasnya, pada waktu ini, setiap negara mempunyai piawaian halal yang berbeza-beza dan tidak menyeluruh.

"Malaysia mempunyai keparakan piawaian halal yang menyeluruh dan kita berharap pelaksanaan penyeragaman piawaian halal antara negara anggota akan dapat dilaksanakan dengan segera iaitu sekurang-kurangnya pada tahun ini.

"Penyeragaman piawaian halal 1ASEAN akan menjadi platform dan kemudahan paling berkesan dalam meningkatkan lagi pengeluaran, perdagangan dan inovasi produk halal di peringkat ASEAN," ujarnya.